

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang dapat dibuat untuk menangani masalah segelintir pelajar universiti yang sanggup mengeluarkan beratus ringgit untuk mengupah sindiket untuk menyelesaikan 'assignment' yang diberi oleh pensyarah.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian turut memandang serius berkenaan dengan isu pelajar yang dikatakan menggunakan khidmat luar bagi menyelesaikan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Dalam hal ini, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) turut mempunyai mekanisma tersendiri dalam menangani perkara tersebut. Pihak IPT mempunyai proses dalaman yang ketat dalam mengawal dan menjamin kualiti program akademik masing-masing.

Secara umumnya, penuntut yang didapati menipu dalam menjalankan tugas, sama ada melalui sindiket atau pun tidak, boleh digantung atau dibuang dari IPT jika sabit kesalahan melalui peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dan peraturan akademik yang sedang berkuatkuasa bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. IPT juga mengeluarkan dasar dan garis panduan

NO. SOALAN : 10

dalamannya bagi menekankan salah laku akademik termasuk dan tidak terhad kepada perkara berikut antaranya meniru, plagiat, fabrikasi, penipuan dan memberikan maklumat palsu.

Selain daripada itu, pensyarah juga diberikan latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka membina instrumen penilaian (termasuk tugas) yang autentik yang meminimalkan peniruan atau mengupah orang lain membuat tugas seperti penilaian berasaskan kerja lapangan, tugas berasaskan kajian empirikal dan tugas formatif. IPT boleh menggunakan perisian untuk memeriksa aktiviti plagiat dalam tesis dan dokumen untuk penilaian.

Penglibatan pemeriksa/penilai luar bagi menilai tugas pelajar pada penilaian/pembentangan akhir juga merupakan kaedah yang boleh digunakan bagi mengesan dan mencegah penglibatan aktiviti mengupah orang lain untuk menyelesaikan tugas pelajar.

IPT juga memberi penekanan tentang sikap amanah sebagai satu aspek pembentukan penuntut, selaras dengan pendidikan berasaskan nilai yang dipegang oleh universiti. Sebagai contoh pelajar diwajibkan untuk menandatangani *Academic Integrity Contract* sebelum semester bermula.

Berdasarkan langkah dan tindakan yang dinyatakan, IPT mampu menangani isu pelajar mengupah sindiket untuk menyelesaikan *assignment* yang diberi oleh pensyarah.

Sekian, terima kasih.